

D.R. 1/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 1997.

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

Pindaan seksyen 2. Akta 326.

(a) dengan menggantikan takrif "dokumen" dengan takrif yang berikut:

"dokumen" ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda,

bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan—

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- (b) apa-apa rakaman tampak (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa gabungan, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c),

atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan, hal itu;'; dan

- (b) dalam takrif "teks Al-Qur'an" dengan menggantikan perkataan "yang layak dipanggil *Mushaf* A'-Qur'an" dengan perkataan "atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu *juzu'* atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan".

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 3.

- (a) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Bahagian Hal Ehwal Agama Islam" dengan perkataan "Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,"; dan
- (b) dalam subseksyen (8) dengan menggantikan perkataan "sembilan" dengan perkataan "tujuh".

4. Subseksyen 6(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "pruf akhir" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "atau salinan asal"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "teks Al-Qur'an itu" perkataan ", mengikut mana-mana yang berkenaan,".

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 8.

"(1) Tiap-tiap teks Al-Qur'an yang dicetak atau diterbitkan di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia hendaklah menunjukkan dengan ketara pada helai bercetak yang pertama atau yang akhir teks itu, atau dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu, maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat pencetak dan penerbitnya, atau dalam hal teks rakaman, orang yang bertanggungjawab bagi pembuatan rakaman itu dan bagi penerbitan teks rakaman itu;
- (b) dalam hal sesuatu teks Al-Qur'an yang diimport, nama dan alamat pengimportnya;
- (c) alamat tempat ia dicetak, dirakamkan atau diterbitkan;

(d) suatu pernyataan yang bermaksud bahawa Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks itu telah diperakui betul oleh Lembaga menurut seksyen 6 atau 7; dan

(e) nombor rujukan perakuan yang relevan."

Pindaan
seksyen 12.

6. Subseksyen 12(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "yang pertama atau yang akhir teks itu" dengan perkataan "bercetak yang pertama atau yang akhir teks itu atau, dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu".

Pindaan
seksyen 13.

7. Subseksyen 13(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "yang pertama atau yang akhir teks itu" dengan perkataan "bercetak yang pertama atau yang akhir teks itu atau, dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memperbaiki takrif "dokumen" dan "teks Al-Qur'an".

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk menggantikan perkataan "Bahagian Hal Ehwal Agama Islam" dengan perkataan "Jabatan Kemajuan Islam Malaysia," dan untuk mengurangkan kuorum mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an ("Lembaga") daripada sembilan kepada tujuh orang anggota.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 6(1) Akta untuk menghendaki sama ada pruf akhir atau salinan asal teks Al-Qur'an dikemukakan kepada Lembaga untuk perakuan sebelum teks itu dicetak atau diterbitkan.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 8(1) Akta untuk menghendaki maklumat tertentu diadakan pada helai bercetak pertama atau terakhir teks Al-Qur'an atau, dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu.

*Pencetakan Teks Al-Qur'an
(Pindaan)*

7. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen 12(3) Akta untuk menghendaki perakuan Lembaga dibuat pada helai bercetak pertama atau terakhir teks Al-Qur'an atau, dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen 13(1) Akta untuk menghendaki maklumat yang dinyatakan dalam subseksyen 8(1) atau perakuan yang dinyatakan dalam subseksyen 12(3) Akta ditunjukkan pada helai bercetak pertama atau terakhir teks Al-Qur'an atau, dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2016.]